



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL KERJAYA  
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2017**

Kuala Lumpur, 24 Oktober - Karnival Kerjaya Wanita Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan diadakan pada 28 Oktober 2017 (Sabtu) di Institusi Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Karnival ini adalah kerjasama antara Jabatan Tenaga kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Pertubuhan Kebangsaan Sumber Manusia Malaysia (PUSMA) yang bertujuan untuk membantu golongan wanita khususnya ibu tunggal, suri rumah dan pencari kerja wanita dalam usaha menambah pendapatan isi rumah, memperkasakan kualiti dan penyampaian perkhidmatan pekerjaan kepada pihak supply dan demand serta meningkatkan kemahiran tenaga kerja negara terutamanya golongan wanita dan golongan khas (vulnerable) secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh negara.

Pelaksanaan karnival ini adalah seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) yang mana Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dipertanggungjawabkan untuk menjayakan Teras Strategik 3: Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju yang memberi fokus kepada menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertubuhan ekonomi. Selain itu, penganjuran Karnival Kerjaya Wanita Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2017 ini juga adalah selaras dengan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menerapkan ciri – ciri perbelanjaan secara berhemah yang sekaligus memberi impak yang tinggi kepada lapisan masyarakat.

Majlis pelancaran Karnival Kerjaya Wanita Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2017 pada kali ini akan dirasmikan oleh YB. Dato’Sri Haji Ismail Bin Haji Abdul Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Di samping itu, Karnival Kerjaya Wanita Peringkat wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2017 ini akan melibatkan sebanyak 20 majikan dan 15 wakil bidang keusahawanan (Perkhidmatan jualan, pendidikan, Unit Amanah, kewangan & insuran dan latihan & konsultasi) dengan penawaran kekosongan sebanyak 2021 kekosongan jawatan yang melibatkan sebanyak 580 kekosongan bagi golongan siswazah dan sebanyak 1441 kekosongan bagi golongan bukan siswazah, yang merangkumi pelbagai kategori jawatan dan sektor.

**###**

**Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
24 Oktober 2018**